

Nassrul Hakim Md Jani  
Wartawan Harakah Selatan

17 Oktober 2024

YB Datuk Ustaz Idris Ahmad  
Pengerusi  
Lembaga Pengarah GMSSB / Harakah

YB Datuk

**MEMOHON PERTIMBANGAN SEMULA ARAHAN  
PERPINDAHAN**

Memo daripada pihak Jabatan Pentadbiran Dan Sumber Manusia GMSSB/Harakah bertarikh 15 Oktober 2024 dengan tajuk ARAHAN LAPOR DIRI PERPINDAHAN DI IBU PEJABAT KUALA LUMPUR adalah dirujuk.

2. Saya dengan rendah diri memohon agar arahan perpindahan saya yang dibuat secara mengejut dengan notis selama empat (4) hari bekerja ini dipertimbangkan untuk tidak dikuatkuasakan.

3. Sebagai wartawan Harakah Zon Selatan, saya selama ini membuat laporan untuk berita-berita PAS di Melaka, Negeri Sembilan dan Johor yang merupakan negeri-negeri selatan dengan pejabat di Melaka.
4. Kemenangan PAS Melaka di dua kerusi Parlimen selain satu kerusi Parlimen dan dua kerusi DUN bagi parti Bersatu memerlukan laporan media Harakah secara besar-besaran lebih-lebih dalam situasi PAS Melaka menyasarkan untuk menawan Melaka dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke 16.
5. Tanpa seorang wartawan bagi membuat laporan tentang aktiviti PAS dan PERIKATAN NASIONAL Melaka, Johor dan Negeri Sembilan boleh mengurangkan keberkesanan publisiti di negeri-negeri ini.
6. Sebagai jentera parti, saya juga mempunyai pelbagai taklifan dalam beberapa lajnah termasuk Lajnah Penerangan Dan Media Baharu Negeri Melaka yang memerlukan perhatian saya dalam gerak kerja menawan Melaka pada PRU16 itu.
7. Dalam situasi kami di Melaka yang amat kekurangan tenaga aktivis, pemergiaan saya ke ibu pejabat mungkin

akan sedikit mengganggu gerak kerja yang telah dirancang oleh PAS Melaka selama ini.

8. Saya juga menghidap sakit jantung dan sakit lutut osteoarthritis yang mungkin menyukarkan dan membahayakan untuk saya tinggal bersendirian di Kuala Lumpur.

9. Ketiadaan tempat tinggal di Kuala Lumpur juga bakal menyebabkan saya terpaksa menyewa rumah atau bilik yang sudah tentu akan meningkatkan kos sara hidup saya berbanding dengan gaji yang saya terima pada waktu ini.

10. Saya sekali lagi dengan rendah diri memohon agar permohonan saya ini dipertimbangkan dan saya kekal sebagai wartawan Harakah Zon Selatan berpangkalan di Melaka demi kepentingan jemaah dan kebajikan saya sebagai kakitangan di bawah syarikat milik PAS sebuah parti yang memperjuangkan kebajikan rakyat.

11. Segala perhatian dan pertimbangan daripada pihak YB Datuk saya dahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Sekian.

Yang benar

A handwritten signature in black ink, appearing to read "NASSRUL HAKIM MD JANI". The signature is fluid and cursive, with a prominent initial stroke on the left.

cc :

- YB Ustaz Ahmad Fadhli Shaari (CEO)
- Khairul Nazir Helmi Azhar (COO)
- Jabatan Pentadbiran Dan Sumber Manusia GMSSB